



E-BULETIN

PROPERTY INFORMATION SYSTEM
MALAYSIA (PRISM) 2.0



EDISI PERTAMA
NOVEMBER 2023 - JUN 2024

AKTIVITI PRISM 2.0



Mesyuarat Kick-Off PRISM 2.0

Mesyuarat *kick-off* merupakan langkah pertama bagi melaksanakan pembangunan semula sistem PRISM versi baharu yang merupakan salah satu sistem yang menyokong teras bisnes JPPH. Sistem PRISM 2.0 diharapkan dapat mentransformasi perkhidmatan JPPH dengan menghasilkan analisis pasaran harta tanah seperti membuat ramalan aliran pergerakan pasaran harta tanah, sentimen pasaran harta tanah serta menaikkan martabat NAPIC sebagai champion dalam pelaporan data harta tanah.



Pengerusi, YBrs. Sr Abdul Razak Bin Yusak

YBrs. Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta berharap sistem PRISM 2.0 dapat membantu JPPH khususnya NAPIC bagi mempercepatkan proses penyediaan data dan pelaporan pasaran harta tanah secara bulanan.



Skop Kerja Projek

Skop kerja projek merangkumi pembangunan sistem, analitik big data, integrasi sistem, pengujian sistem, perisian, pemasangan dan penyenggaraan, migrasi data, dokumentasi, pengurusan projek, pengurusan perubahan (*change management*), latihan dan pemindahan teknologi dan sokongan teknikal. Manakala bagi *Verification and Validation (V&V)* dan *Security Posture Assessment (SPA)* akan dilaksanakan oleh pihak ketiga.

Sekilas Sorotan Mesyuarat





AKTIVITI PRISM 2.0



BENGKEL SPESIFIKASI KEPERLUAN BISNES (BRS)

- Kajian Semula BRS ini diadakan selama lima (5) hari dengan dua (2) sesi mengikut tarikh dan lokasi yang dipersetujui oleh Kerajaan yang melibatkan anggaran 39 orang setiap sesi.
- Bengkel BRS Sesi Pertama
Tarikh: 11 - 13 Disember 2023
Tempat: Hotel Swan Garden Melaka
- Bengkel BRS Sesi Kedua
Tarikh: 17 - 18 Januari 2024
Tempat: Hotel The Everly Putrajaya



Memahami & Mendokumentasikan Keperluan Bisnes

Sesi untuk memastikan solusi yang dicadangkan sejajar dengan keperluan sebenar JPPH. Melalui perbincangan dan aktiviti kumpulan, peserta berkongsi pandangan bagi menyusun senarai keperluan yang menyeluruh.



Semakan & Pengemaskinian Dokumen BRS

Bertujuan mengumpulkan maklumat mengenai skop, keperluan pihak berkepentingan, serta keperluan fungsian dan bukan fungsian. Dokumen ini dikemas kini berdasarkan perubahan keperluan semasa.

Cadangan *Business Process* Baharu

Berdasarkan hasil bengkel, *business process* baharu dicadangkan untuk meningkatkan keberkesanan sistem dalam memenuhi keperluan JPPH. Laporan akhir bengkel merangkumi analisis spesifikasi keperluan bisnes serta langkah pelaksanaan seterusnya.





BENGKEL SPESIFIKASI KEPERLUAN SISTEM (SRS)

- Kajian SRS ini diadakan selama enam (6) hari dengan dua (2) sesi mengikut tarikh dan lokasi yang dipersetujui oleh Kerajaan yang melibatkan anggaran 21 orang setiap sesi.
- Bengkel SRS Sesi Pertama
Tarikh: 27 - 29 Disember 2023
Tempat: Hotel Swiss-Garden & Residences, Pahang
- Bengkel SRS Sesi Kedua
Tarikh: 18 - 20 Mac 2024
Tempat: INSPEN, Kajang

Perincian Keperluan Sistem

Bengkel SRS menguraikan keperluan teknikal sistem secara terperinci, termasuk fungsi dan bukan fungsi yang boleh diimplementasikan. Peserta bengkel menyumbangkan pandangan bagi memastikan keperluan sistem yang menyeluruh dan tepat.



Pengesahan & Penyelarasan Keperluan

Bengkel ini melibatkan pihak berkepentingan untuk mengumpulkan, mengesahkan, dan menyelaraskan keperluan sistem. Ia bertujuan memberikan panduan kepada pembangun sistem bagi memastikan objektif PRISM 2.0 tercapai.



Sekilas Sorotan Aktiviti



AKTIVITI PRISM 2.0



BENGKEL SPESIFIKASI REKABENTUK SISTEM (SDS)



Bengkel SDS adalah kesinambungan daripada Bengkel BRS dan SRS bagi memastikan pembangunan Sistem PRISM 2.0 memenuhi keperluan pengguna. Maklumat daripada kedua-dua bengkel sebelumnya digunakan untuk merekabentuk sistem selaras dengan objektif bisnes dan teknikal. Dokumen SDS merangkumi gambaran keseluruhan sistem, fungsi utama, interaksi komponen, keperluan perisian, sumber data, serta keperluan bukan fungsional seperti prestasi dan keselamatan. Dokumen ini juga menjadi panduan kepada pembangun dalam merancang dan menguji sistem.



Pelaksanaan Bengkel SDS Sesi Pertama

Bengkel SDS Sesi Pertama dilaksanakan secara kumpulan kecil iaitu sebanyak 27 sesi bermula 27 Mac 2024 hingga 15 Mei 2024 melibatkan wakil NAPIC, BTM, BPSSA dan pasukan projek Syarikat. Sesi ini telah dilaksanakan di Bilik Mesyuarat NAPIC, Bilik Mesyuarat BTM dan Bilik Latihan BTM di JPPH Putrajaya.



Pelaksanaan Bengkel SDS Sesi Kedua

Bengkel SDS Sesi Kedua telah dilaksanakan pada 20 hingga 22 Mei 2024 melibatkan seramai 62 peserta terdiri daripada wakil NAPIC, BTM, BPSSA dan pasukan projek Syarikat. Lokasi yang dipersetujui adalah VE Hotel & Residences, Bangsar South, Kuala Lumpur.

Sorotan Lensa Editor





BENGKEL USE CASE

- Bengkel ini dilaksanakan sebanyak dua (2) sesi bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk pembangunan produk data *use case*. Jumlah peserta adalah seramai 15 orang setiap sesi.
- Bengkel *Use Case* Sesi Pertama
Tarikh: 30 – 31 Januari 2024
Tempat: Hotel Bangi Resort, Selangor
- Bengkel *Use Case* Sesi Kedua
Tarikh: 10 – 11 Mac 2024
Tempat: Hotel Sama-Sama, Selangor



Bengkel *Use Case* adalah sesi interaktif yang melibatkan pihak berkepentingan seperti penganalisis, pembangun sistem, dan pengguna untuk menyusun serta merangka kes penggunaan utama dalam pembangunan sistem. Sesi ini membantu memahami keperluan sistem secara terperinci, mengurangkan risiko kesilapan dalam rekabentuk, serta meningkatkan komunikasi antara pihak projek.



Bengkel ini bertujuan untuk:

- Mengenal pasti *use case* dan membangunkan laporan berdasarkan pemilihan data di NAPIC.
- Menganalisis data dan membangunkan model bagi *use case* yang dikenal pasti.
- Mendokumentasikan pembangunan produk dan menyediakan model analisis untuk setiap pernyataan masalah.

Sekilas Sorotan Aktiviti





AKTIVITI PRISM 2.0



LAWATAN KERJA KE NAPIC CAWANGAN

- Cawangan yang merangkumi wakil negeri dan daerah ialah NAPIC Seremban, Negeri Sembilan dan NAPIC Wilayah Persekutuan
- Lawatan Kerja NAPIC Negeri Sembilan
Tarikh: 4 Disember 2023
Pengerusi: Sr Tan Eng Peik
- Lawatan Kerja NAPIC Wilayah Persekutuan
Tarikh: 9 Januari 2024
Pengerusi: Sr Basarudin Bin Mohd Basir



Tujuan utama lawatan kerja bagi memahami proses kerja di lapangan NAPIC peringkat Negeri dan Daerah. Hasil dari lawatan ini membantu pasukan pembangunan PRISM 2.0 memahami proses kerja sedia ada yang lebih terperinci daripada kakitangan NAPIC. Lawatan kerja ini juga merupakan persediaan awal bagi aktiviti Bengkel Spesifikasi Keperluan Bisnes (BRS).

